

BULETIN MAJLIS DAERAH BAU BDC BROADCAST EDISI 2021



Topik-topik yang menarik ;

- ✓ Bengkel Pelan Strategik MD Bau
- ✓ Memasak & Agihan Bubur Lambuk
- ✓ Program Walkabout Timbalan Ketua Menteri Sarawak ke Tasik Biru, Bau
- ✓ Sambutan Ulang Tahun Ke-65 MDBau
- ✓ Program Pembangunan Komuniti
- ✓ Berita Ahli Majlis

Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-65 Majlis Daerah Bau



B - Bold
A - Ambitious
U - Unified

“GREATER BAU FOR ALL”

MAJLIS DAERAH BAU
JALAN ONG GUAN CHENG
94000 BAU, SARAWAK.

TEL : 082 763129
FAX : 082 763545

www.baudc.sarawak.gov.my

ISI KANDUNGAN

- 2 ➤ Isi Kandungan & Sidang Redaksi
- 3 ➤ Perutusan Pengerusi Majlis
- 4 ➤ Perutusan Setiausaha Majlis
- 5 ➤ Barisan Ahli Majlis Sidang 2019/2021
- 6 ➤ Tragedi Banjir
➤ Publisiti Program Vaksin Covid19
- 7 ➤ Sambutan Chap Goh Mei
➤ Warga PBT Perangi Pemberi Rasuah
- 8 ➤ Hari Jadi Setiausaha Majlis
➤ Farewell Party
➤ Taklimat Teknikal PPKB
- 9 ➤ Bengkel Pelan Strategik MD Bau 2021-2025
- 10 ➤ Program Memasak & Agihan Bubur
Lambuk Anjuran Bau Council Club
- 11 ➤ Aktiviti Sukarela Covid19 MDB
- 12 ➤ Buku Sejarah Bau - Persatuan Hwa Gong
➤ Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang
- 13 ➤ The Bikalan Siniawan
➤ Ecotourism Product Update Site Visit
- 14 ➤ Majlis Pecah Tanah Projek Ternakan Lembu
➤ Perasmian Program AgriCop & Ternakan Lembu
Pedaging di Kpg Merembeh, Bau
- 15 ➤ Kunjungan Hormat Daripada Pihak SPR
➤ Program Gotong-royong & Majlis Perasmian Paku
Hotspring
- 16 ➤ Penutupan Audit BSC Majlis Daerah Bau
➤ Program Walkabout Timbalan Ketua Menteri
Sarawak ke Tasik Biru, Bau
- 17 ➤ Program Lawatan Sambil Belajar ke Miri
➤ Program Randau MD Betong ke MD Bau
- 18 ➤ Sambutan Ulang Tahun Ke-65 MD Bau
- 19 PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI
➤ Program Kita Jaga Kita Fasa 2
- ➤ Program Jom Baca Bersama
21 ➤ Program Tree Planting
➤ Lawatan Ke Borneo Keranji Farm
➤ Sesi Simulasi Covid-19 Test Kits (RTK-Ag)
- 22 BILIK BERITA AHLI MAJLIS
➤ Lawatan Menteri Perumahan & Tempatan ke Bau
- ➤ Majlis Perasmian Ayak Gallery
25 ➤ Lawatan ke Ladang Nanas
➤ Program Agihan Bakul Makanan
➤ Sukarelawan di PPV Balai Bomba, Bau
➤ Lawatan Delta Geopark ke Kpg Duyoh, Bau
➤ Evolution Trail - Siniawan, Bau

SIDANG REDAKSI

KELULUSAN PENERBITAN

Pengerusi Majlis, Puan Anielia Anak Siam
Setiausaha Majlis, Simon Wong Hong Yong

SEMAKAN

Timbalan Pengerusi Majlis, Kr. William Ding
Timbalan Setiausaha Majlis, Ilyana Bt Mohamad
Penasihat Perundangan, Kr. Wejok Tomik

BILIK BERITA AHLI MAJLIS

Ketua, Kr. Nyudien Ngayop
Timbalan I, Kr. Liew Yu Peng
Timbalan II, Kr. Angnes A/P Jonep

KETUA EDITOR

Adeline Molly Francis Kiyuk

PENGARANG & GRAFIK

Sally Anak Antoni

PENERBIT

Bahagian Pembangunan Komuniti
Majlis Daerah Bau

PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS



Salam Ibu Pertiwiku, **Salam Greater Bau For All.**

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Sidang Penerbitan Buletin Majlis Daerah Bau Edisi 2021 untuk kali ini.

Para pembaca yang dihormati sekalian, tirai tahun 2021 dibuka dengan pandemik COVID-19. Baru 2 minggu dalam tahun 2021, pada 14 Januari 2021 Daerah Bau menerima hujan yang luar biasa, diikuti dengan banjir besar. Majlis Daerah Bau sebagai agensi Pihak Berkuasa Tempatan tunggal, bersedia dengan tanggungjawab membantu dalam operasi banjir. Perkongsian informasi melalui aplikasi *Facebook* dan *WhatsApps* iaitu berita bergambar yang diambil menggunakan *drone* milik MDB, maklumat sah dan terkini dapat dikongsikan kepada penduduk Bau khususnya. Sejurus selepas banjir besar di Daerah Bau, pasukan Majlis Daerah Bau telah dipertanggungjawabkan dalam kerja-kerja baik pulih infrastruktur yang terjejas akibat banjir. Tanggungjawab tersebut kami pikul demi kesejahteraan rakyat.

Pandemik COVID-19 sememangnya amat mencabar manusia dan dunia. MDB, agensi Pihak Berkuasa Tempatan yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk, juga turut merasai cabaran pandemik ini. Sebagai inisiatif berterusan ke arah agensi Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf dunia dan berintegriti, pada 26 Februari 2021, MDB telah mengadakan Program Menandatangani Aku Janji Warga PBT Perangi Pemberi Rasuah. Semoga tercapai niat murni warga MDB untuk menguatkan jati diri dalam memerangi pemberi dan penerima rasuah.

GREATER BAU FOR ALL, merupakan Visi baharu MDB. Visi ini telah dicipta dalam Bengkel Pelan Strategik Majlis Daerah Bau 2021-2025 pada 5 hingga 6 April 2021. Visi yang membawakan amanah, inspirasi dan hala tuju kepada MDB bagi membentuk dan membawa Daerah Bau ke arah pembangunan yang holistik dan mampan untuk segenap lapisan penduduk. Daerah Bau sejak tahun 1820, kaya dengan emas. Bertitik tolak dari amanat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sempena Sambutan Bau Bicentennial Celebration pada 31 Disember 2020, “..untuk maju Bau perlu mencari emas baharu..”, Visi *Greater Bau For All* amatlah tepat. Moto, **BAU = BE BOLD, AMBITIOUS & UNIFIED**, juga turut tercipta. Moto yang melambangkan warga kerja yang berdedikasi, masyarakat progresif, lantang bersuara dan berwawasan tinggi dan dalam apa jua keadaan tetap bersatu demi keamanan serta perpaduan dalam masyarakat yang majmuk.

Setinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha Majlis Daerah Bau iaitu Encik Simon Wong Hong Yong, serta semua Ketua Bahagian yang memberikan kerjasama yang padu semasa sesi bengkel tersebut berlangsung. MDB juga berterima kasih kepada *stakeholder* iaitu YB Dato Henry Harry Jinep ADUN N2 Tasik Biru, YB Tuan Miro Simuh ADUN N18 Seremban dan YB Ir Lo Khere Chiang ADUN N13 Batu Kitang yang sudi meluangkan masa bersama pasukan MDB bagi memastikan Pelan Strategik Majlis Daerah Bau 2021-2025 dirangka dengan sebaik mungkin.

Para pembaca buletin yang dihormati sekalian, jemputlah ke halaman – halaman penulisan, laporan dan perkongsian yang disediakan oleh sidang redaksi. Sekian dan selamat membaca.

“An Honour To Serve”
BERSATU BERUSAHA BERBAKTI

Pegawai Daerah Bau (Pengerusi Majlis)

Anielia Anak Siam, 29 Julai 2021.

#Otok Jaga Otok #Lindungi Diri Lindungi Semua

PERUTUSAN SETIAUSAHA MAJLIS



Salam Sejahtera dan Salam Ibu Pertiwiku.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pembaca Buletin Edisi 2021 kerana sudi meluangkan sedikit masa untuk menyelami isi kandungan buletin pada kali ini.

Selamat Ulang Tahun Ke-65 kepada Majlis Daerah Bau (MDB). Tahun 2021 merupakan tahun yang sangat istimewa bagi MDB kerana sepanjang tahun 2021 dikhaskan untuk memperingati dan meraikan 65 tahun perkhidmatan untuk Daerah Bau.

Sepanjang tempoh tersebut, Daerah Bau telah mengalami kepelbagaian transformasi terutama dari segi pembangunan, pelancongan, kepimpinan dan sebagainya. Perkara sebeginilah yang menjadi punca Daerah Bau terus maju sehingga ke hari ini.

Selain itu, seperti yang kita semua sudah sedia maklum, kita masih lagi berjuang untuk melawan penyakit berjangkit iaitu Covid-19 yang sememangnya sangat mengganggu sedikit sebanyak urusan kerja kita sejak bermulanya pandemik tersebut. Namun begitu, hal tersebut tidak menghalang Majlis Daerah Bau untuk kekal komited dalam menjalankan tanggungjawab terhadap kemajuan Daerah Bau.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan telah disambut dengan baik oleh masyarakat di Daerah Bau dimana rata-rata penduduk dewasa di Daerah Bau telah menerima vaksin yang lengkap. Saya juga amat bersyukur kerana semua kakitangan Majlis Daerah Bau telah menerima dos vaksin yang lengkap. Hal ini amat penting kerana dos vaksin yang lengkap boleh membantu untuk mengurangkan risiko jangkitan penyakit Covid-19.

Pada 5 hingga 6 April 2021, Majlis Daerah Bau dengan kerjasama *Smart Management Development* telah mengadakan Bengkel Pelan Strategik 2021-2025 di Hotel Imperial, Kuching. Maka, terciptalah Visi dan Misi baharu iaitu, **Greater Bau For All** dan **BAU- Be Bold, Ambitious and Unified**. Harapan saya agar semua warga MDB akan berpegang teguh dengan Visi dan Misi tersebut sepanjang tempoh perkhidmatan.

30 Disember 2021 merupakan tarikh kemuncak pada tahun ini dimana Sambutan Ulang Tahun Ke-65 Majlis Daerah Bau telah diadakan dengan sangat meriah di Tasik Biru Food Village yang disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Jutaan ucapan terima kasih kepada Ketua Menteri Sarawak atas kesudian untuk bersama-sama meraikan Ulang Tahun Majlis Daerah Bau yang ke-65 ini. Ucapan terima kasih juga buat semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan sambutan ini. Segala jasa dan kerjasama semua pihak akan dikenang buat selamanya.

Akhir kata, tahniah diucapkan kepada sidang redaksi kerana telah berjaya menghasilkan Buletin Edisi 2021 ini. **GREATER BAU FOR ALL.**

Sekian, terima kasih.

Simon Wong Hong Yong
Setiausaha Majlis Daerah Bau



BARISAN AHLI MAJLIS SIDANG 2019/2021

MAJLIS DAERAH BAU

PENGERUSI MAJLIS
CIK ANIELIA SIAM
016-860 3872



TIMBALAN PENERUSI
KR WILLIAM DING
013-806 7128



ZON BRATAK
KR NODY AK MARIN
019-817 6654



ZON BRATAK
KR JOSSEM AK DAWEG
017-805 5759



ZON BRATAK
KR DOHEK AK. NYOGEM
017-214 6616



ZON BRATAK
KR PATRIC AK JEBENG
013-800 3088



ZON BRATAK
KR WILTA AK UJAH
014-726 7728



ZON PASAR BAU
KR LIEW YU PENG
010-326 3773



ZON PASAR BAU
ZON MUSI /TONGDONG /SELALANG
ZON BATU KITANG /KRANJI
/TANJUNG DURIAN
KR PONI BIN TAYON
011-1405 1407



**ZON MUSI /TONGDONG
/SELALANG**
KR RICHARD VOON
012-808 2268



ZON PASAR BAU
KR OBENG ANAK NAIT
019-658 2635



ZON PASAR BAU
KR SAREMA PUTRI
BINTI ISMAIL
016-860 6294



**ZON PASAR BAU/ ZON
SEREMBU**
KR ANGNES A/P JONEP
010-507 727
010-507 4727



ZON PASAR BAU
KR CHIN SIAW YIEN
019-859 6832



ZON PASAR BAU
KR VOON NGAT JAN
013-726 4068



ZON SINGAI
KR RISED AK ABOY
016-856 7350



ZON SINGAI
KR RISENG ANAK NGIRAI
013-567 8422



ZON SINGAI
KR GIDY AK RUJI
014-681 9199



ZON SINGAI
KR GRAY ANAK JOING
019-857 1278



ZON SEREMBU
KR ATET AK LEKENG
019-828 2131



ZON SEREMBU
KR VOON VU SEN
012-887 8337



ZON SEREMBU
KR YOUSLI AK MIHOS
019-877 1549



ZON SINIAWAN
KR PREM NOTES
017-804 7820



ZON SINIAWAN
KR HAIRONI BIN LEH
019-839 3409



ZON JAGOI
KR PAUL ANAK NOHAN
017-827 9665



ZON JAGOI
KR NYUDIEN AK NGAYOP
013-821 7496



ZON JAGOI
KR MARTHADARIA AK
MICHAEL REGID
012-856 7718



ZON JAGOI
KR DOMINIC RITAY
019-482 8618



**ZON SG. PINANG /KANDIS
BARU /KANDIS LAMA**
KR WEJOK TOMIK
017-808 2010



**ZON KROKONG / TRINGGUS/
PADANG PAN /GUMBANG**
KR DILON KURON MEJOH
012-394 0064



**ZON KROKONG /
TRINGGUS/ PADANG PAN
/GUMBANG**
KR ROD @ JULIAN AK SAN
013-811 0871



**ZON KROKONG /
TRINGGUS/ PADANG PAN
/GUMBANG**
KR DORIN AK DOBIN
011-2509 5527

Tragedi Banjir

13 Januari 2021



Majlis Daerah Bau membantu beberapa orang penduduk yang tersekat di seberang jalan untuk menyeberang menggunakan kenderaan milik majlis.

Publisiti Program Vaksin Covid-19 Daerah Bau anjaran DUN N2 Tasik Biru

25 Februari 2021

Program ini telah dihadiri oleh YB Dato Henry Harry anak Jinep, ADUN N.2 Tasik Biru. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap pemvaksinan COVID-19 dan lebih kepada memberi sokongan moral kepada masyarakat Daerah Bau mengenai pentingnya untuk mendapatkan vaksin COVID-19.

Turut hadir, Pegawai Daerah Bau, Anielia Siam, dan Setiausaha Majlis Daerah Bau, Simon Wong Hong Yong.



Sambutan Chap Goh Mei 2021

26 Februari 2021



Majlis Menandatangani Janji Warga PBT Perangi Pemberi Rasuah

26 Februari 2021



**SAMBUTAN HARI JADI
SETIAUSAHA
MAJLIS DAERAH BAU**

SIMON WONG HONG YONG

24 Mac 2021



FAREWELL PARTY

**EN. FRANCIS NOSUS &
EN. MANDOR BLEH**

26 Mac 2021



**TAKLIMAT TEKNIKAL BAGI PROGRAM
PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB) OLEH**

EN. OTHMAN BIN SAMSUDDIN (UNIT TEKNIKAL KHAS MLGH)

**ANJURAN MAJLIS DAERAH BAU DENGAN KERJASAMA
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN
PERUMAHAN SARAWAK**

29 MAC 2021



BENGKEL PELAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH BAU (2021-2025)



HROD CONSULTANT : PETER JAMBAI

**ANJURAN MAJLIS DAERAH BAU
DENGAN KERJASAMA
SMART MANAGEMENT DEVELOPMENT**

**BERTEMPAT DI IMPERIAL HOTEL,
KUCHING**

5-6 APRIL 2021



**PROGRAM PENUTUPAN PADA
6 APRIL 2021**

TURUT HADIR SEBAGAI TETAMU KEHORMAT;


*YB DATO HENRY HARRY ANAK JINEP,
ADUN N.2 TASIK BIRU
YB TUAN MIRO ANAK SIMUH,
ADUN N.18 SEREMBU
YB IR. LO KHERE CHIANG,
ADUN N.13 BATU KITANG*



“GREATER BAU FOR ALL”

BAU - Be Bold, Ambitious & Unified

Program



Memasak dan Agihan Bubur Lambuk



Anjuran Bau Council Club

30 April 2021

Aktiviti Sukarela Covid-19 Majlis Daerah Bau




Membantu menghantar kes PUI berkaitan Covid-19 menggunakan kenderaan Majlis



Membantu menghantar frontliner yang terlibat dengan pemberian vaksin mobile team ke kampung di Daerah Bau

Penubuhan Bilik Panggilan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Akademi Bomba Bau di Majlis Daerah Bau (Bulan Jun hingga Ogos 2021)



PENERIMAAN BUKU TENTANG SEJARAH DAERAH BAU DARIPADA PERSATUAN HWA GONG 9 OGOS 2021




KONVOI KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG PERINGKAT DAERAH BAU 26 OGOS 2021



THE BIKALAN SINIAWAN - 11.09.2021
**CHAMPION UNDER EATERIES AND FOOD
OUTLETS IN SARAWAK CHIEF MINISTER'S
ENVIRONMENT AWARD (CMEA) 2019/2020**



TOURISM MALAYSIA- SARAWAK OFFICE
ECOTOURISM PRODUCT UPDATE SITE VISIT
8 OKTOBER 2021



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK TERNAKAN LEMBU PEDAGING DI KAMPUNG MEREMBEH, BAU

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.18 Serembu, YB Tuan Miro anak Simuh turun padang bagi menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Ternakan Lembu Pedaging di Kampung Merembah, Bau pada 12 Oktober 2021. Turut hadir bersama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS), Dr. Adrian Susil Ambud dan Pegawai Daerah Bau, Puan Anielia Siam.



PERASMIAN PROGRAM AGRICOP & PROJEK TERNAKAN LEMBU PEDAGING DI KAMPUNG MEREMBEH, BAU - 29 OKTOBER 2021

Program ini disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri, YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas iaitu Menteri Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah. Beliau berkata, Projek Ternakan Lembu Pedaging di Kampung ini merupakan yang pertama dilaksanakan dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri Sarawak. Turut hadir, ADUN N.18 Serembu, YB Tuan Miro Simuh dan Pegawai Daerah Bau, Puan Anielia Siam.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PIHAK SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) NEGERI SARAWAK KE MAJLIS DAERAH BAU PADA 18 OKTOBER 2021



PROGRAM GOTONG-ROYONG & MAJLIS PERASMIAN PAKU HOTSPRING OLEH ADUN N.18 SEREMBU, YB TUAN MIRO SIMUH PADA 23 OKTOBER 2021



PENUTUPAN AUDIT BSC MAJLIS DAERAH BAU PADA 12 NOVEMBER 2021



PROGRAM WALKABOUT TIMBALAN KETUA MENTERI SARAWAK, YANG BERHORMAT DATUK AMAR HAJI AWANG TENGAH BIN ALI HASAN KE TASIK BIRU, BAU PADA 27 NOVEMBER 2021



PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MIRI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-65 MAJLIS DAERAH BAU PADA 26-28 DISEMBER 2021



PROGRAM RANDAU SEMPENA LAWATAN SAMBIL BELAJAR MAJLIS DAERAH BETONG KE MAJLIS DAERAH BAU PADA 22 DISEMBER 2021



Sambutan Ulang Tahun Ke-65 Majlis Daerah Bau

Disempurnakan oleh,


**Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul
Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg**

30 Disember 2021



PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

PROGRAM KITA JAGA KITA FASA 2



Pengagihan Poster
Dan Pelekat Meja
Pematuhan SOP
ke 29 Buah Kedai
Makan Sekitar
Pasar Bau



PROGRAM JOM BACA BERSAMA SELAMA 10 MINIT

22 APRIL 2021 | PERPUSTAKAAN AWAM MAJLIS DAERAH BAU



PROGRAM TREE PLANTING SEMPENA WORLD HABITAT DAY 2021

10 OKTOBER 2021



LAWATAN KERJA KE BORNEO KERANJI FARM (JAWATANKUASA PELANCONGAN, PENDIDIKAN KOMUNITI & TUJUAN AM)

10 OKTOBER 2021



Sesi Simulasi Covid-19 Test Kits (RTK-Ag) Sempena Program Kita Jaga Kita 2.0

26 November 2021 | Perpustakaan Awam MDB



Bilik Berita Ahli Majlis

Disediakan oleh :

- **Ketua Bilik Berita** - Kr. Nyudien Ngayop
- **Timbalan 1 Bilik Berita** - Kr. Liew Yu Peng
- **Timbalan 11 Bilik Berita** - Kr. Angnes A/P Jonep

LAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE BANDAR BAU



Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, YB Datuk Dr. Hajah Zuraida Kamaruddin telah membuat lawatan kerja ke Bandar Bau pada 11 April 2021. Dalam perjumpaan tersebut beliau telah diberi taklimat oleh Pengerusi Majlis Daerah Bau iaitu Pn. Anielia Siam dan antara isi taklimatnya beliau telah mencadangkan untuk memajukan 3 RGC (RURAL GROWTH CENTRE) iaitu Siniawan, Serikin dan Tondong untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan di Daerah Bau.

Menteri telah meluluskan dana sebanyak RM3 Juta di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pelbagai projek di Daerah Bau.

YB. Menteri sempat melawat SJK Chung Hua Bau dan menyampaikan peruntukan sebanyak RM15,000.00 untuk pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung. Beliau juga menyatakan hasratnya untuk melawat Serikin dalam lawatan yang akan datang.

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI AYAK GALLERY DI PEKAN SINIAWAN



YB. TUAN MIRO SIMUH

Majlis Pembukaan Rasmi Ayak Gallery di Pekan Siniawan telah disempurnakan oleh YB Tuan Miro Simuh ADUN N18, SEREMBU pada 9 April 2021. Beliau berkata Galeri Seni seperti ini adalah yang pertama dibuka di luar bandar, dapat digunakan oleh Seniman untuk memasarkan hasil seni dan kraft tangan mereka. Turut hadir dalam majlis itu ialah Pegawai Daerah Bau, Puan Anielia Siam, SU Politik Ketua Menteri dan Ahli Majlis Daerah Bau.

Menurut salah seorang pelukis terkenal, En. Melton Kais, ini adalah usaha untuk desentralisasi pameran dan jualan lukisan dan hasil seni yang pada masa dahulu banyak berpusat di bandar raya. Sesuai dengan nama "Ayak" yang bermaksud sistem saluran air yang disalurkan menggunakan buluh ke rumah. Simboliknya air yang mengalir tidak putus-putus diharap dapat memberi nafas baru dan kemajuan kepada industri seni dan pelancongan di Daerah Bau dan khususnya Pekan Warisan Siniawan.



LAWATAN KE LADANG NANAS DI KAMPUNG SEGONG, SINGAI



Ahli DUN, TASIK BIRU YB. Dato Henry Harry Jinep sempat meluangkan masa melawat ladang nanas di kampung Segong, Singai pada 10.4.2021. Turut hadir dalam lawatan itu ialah Ahli-ahli Majlis daerah Bau dan KMKK kawasan Singai. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk meninjau bagaimana jalan-jalan pertanian ke kebun-kebun boleh diperbaiki dan ditambah rangkaiannya supaya para petani dan pekebun dapat membuka banyak kawasan pertanian untuk menambah ekonomi mereka.

Dato Henry Harry juga menasihatkan KMKK untuk mendaftar jalan-jalan yang telah dibuka dengan Majlis Daerah Bau supaya jalan-jalan tersebut dapat diselenggara.

**AHLI MAJLIS MEMBANTU DALAM PROGRAM AGIHAN BAKUL MAKANAN
KEPADA PENDUDUK DI KAWASAN N2 TASIK BIRU SEMASA PKP 2021**



**AHLI MAJLIS SEBAGAI SUKARELAWAN DI PUSAT
PEMBERIAN VAKSIN (PPV) AKADEMI BOMBA DAERAH BAU**



**LAWATAN DARIPADA AGENSI-AGENCI KERAJAAN SARAWAK DELTA
GEOPARK KE KAMPUNG JAGOI DUYOH, BAU PADA 12 OKTOBER 2021**



EVOLUTION TRAIL (SARAWAK ADVENTURE CHALLENGE)

SINIAWAN, BAU - 7 NOVEMBER 2021





Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-65 Majlis Daerah Bau



Thank You Frontliners~

Setinggi-tinggi penghargaan buat semua barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus berjuang sepanjang pandemik Covid-19. Jasamu dikenang.

Ikhlas daripada, warga Majlis Daerah Bau.